

SOALAN NO: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]
TARIKH : 9 NOVEMBER 2017
SOALAN : 14

YB Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pembinaan parkir bertingkat untuk kegunaan Hospital Tengku Ampuan Afzan di Kuantan, bilakah akan dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil maklum akan masalah berhubung kekurangan petak tempat letak kereta (TLK) di fasiliti-fasiliti kesihatan. Antara langkah yang sedang diambil oleh KKM ialah perancangan untuk melaksanakan projek pembinaan TLK Bertingkat secara Kerjasama Awam Swasta (*Public Private Parntership* – PPP) melalui kaedah *Build-Operate-Transfer* (BOT). KKM kini dalam proses untuk merintiskan pelaksanaan Projek ini terlebih dahulu di dua (2) buah Hospital Kerajaan di Lembah Klang yang mengalami masalah kesesakan dan kekurangan TLK

17

yang kritikal bagi memastikan Projek tersebut berdaya saing. Sekiranya Projek ini berjaya, pelaksanaan Projek akan diperluaskan ke lain-lain Hospital yang mengalami masalah kekurangan TLK yang sama.